

مسلمين

MÜSLIMIN

Surat Berita Hal Ehwal Ugama

FEBRUARI

2022M

Jamadilakhir - Rejab 1443H
Tahun 34 • Bil 2



Keluaran: Kementerian Hal Ehwal Ugama
Terbitan: Pusat Da'wah Islamiah



BERITA UTAMA

KONVOKESYEN 224 GRADUAN KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

>> 3



5

Majlis Kesyukuran Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-38

Berkenan berangkat ke Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardhu Maghrib dan Isya' Berjemaah, Membaca Surah Yasin dan Doa Kesyukuran.



6

Haflut Takharruj Kali Kesembilan ITQSHHB

20 orang graduan yang mendapat penganugerahan syahadah Diploma 'Aliyah Qiraat al-Qur'an sebagai pengiktirafan atas kejayaan para graduan.

Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Senegara

8

Penyerahan Bantuan Keperluan Harian Kepada Keluarga Muallaf Yang Memerlukan

13

Doa Kesyukuran Sempena Puja Usia Duli Pengiran Muda Mahkota

9

Program Keagamaan Senegara Bagi Sekolah Ugama Dan Sekolah Arab

14

Malam Munajat Anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama

10-11

Pendaftaran Kemasukan Pelajar-Pelajar Baharu Sanah 5 Di Sekolah-Sekolah Arab Seluruh Negara Secara Maya

14

Memastikan Kebajikan Muallaf Sentiasa Terjamin

12



20

Perintah Sembahyang Disyari'atkan

Dengan sembahyang menurut titah baginda, Allah akan mengurniakan keamanan, ketenangan, kesihatan dan kebahagiaan.

Zikir
Harian

لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Laa ilaha illallah

Tiada tuhan melainkan Allah

FADHILATNYA:

Allah akan dekat dengan orang yang mengamalkannya dan memberi segala kebaikan bagi hamba yang memuji-Nya

ISLAM DASAR PEMBANGUNAN NEGARA

| Lidah Pengarang |



23 Februari merupakan tarikh yang bersejarah dan diraikan pada setiap tahun. Ianya suatu ni'mat yang amat besar bagi negara dan sewajarnya untuk kita bersama-sama mensyukuri. Alhamdulillah selama 38 tahun, negara kita telah mencapai kemerdekaan diiringi dengan semangat patriotisme yang bukan hanya semata-mata menyambut hari kebangsaan dan pengibaran bendera, tetapi dengan semangat kecintaan kepada negara yang merupakan fitrah manusia yang sentiasa mahukan kebaikan dan kesejahteraan untuk generasi dan keturunannya yang akan datang, sesuai dengan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Baqarah ayat 126, mafhumnya:

Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa: "Ya Tuhanku! Jadikanlah negeri Mekah ini negeri yang aman damai dan kurniakanlah rezeki daripada berbagai-bagai jenis buah kepada penduduknya iaitu bagi siapa antara mereka yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat." Allah berfirman: "(Permohonanmu Aku terima) tetapi sesiapa yang ingkar maka Aku akan beri juga dia menikmati rezeki itu bagi sementara waktu (di dunia) kemudian Aku memaksanya (dengan menyeretnya) ke azab neraka. Dan itulah seburuk-buruk tempat kembali."

Agama Islam menjadi dasar bagi Negara Brunei Darussalam dalam apa jua pembangunan negara yang sekaligus mengharapkan keberkatan dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala* jua. Kedamaian, keharmonian dan kemakmuran negara ini patut dan perlu kita syukuri dan pelihara kerana syi'ar Islam akan lebih mudah terlaksana dalam keadaan negara aman dan damai yang bebas daripada keganasan, masyarakat yang harmoni dan banyak lagi ni'mat lain.

Selamat Menyambut Hari Kebangsaan ke 38 Tahun

Anggota Redaksi



PENASIHAT: Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah • **PENOLONG PENASIHAT:** Abd. Aziz bin Haji Abd. Kahar, Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah • **KETUA PENERBIT:** Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan • **PENOLONG KETUA PENERBIT:** Hajah Suriyati binti Haji Ahmed, Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan [Pemasaran] • **PENYELARAS:** Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abdul Ghani • Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Qairunnisa binti Haji Jalil • Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim • Mohamad Zelihan bin Ahad • Dahlan bin Chuchu • Suriati binti Haji Ali Hussin • Azizah binti Hidup • **PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK:** Mohamad Zelihan bin Ahad • **PEMBAHAGI MAJALAH:** Pg. Md Rafiuddin bin Pg. Hj Badaruddin • Nurul Nabilah binti Masri • **GAMBAR:** Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan •

KONVOKESYEN 224 GRADUAN KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

Oleh : Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ke Majlis Konvokesyen KUPU SB ke-11.

BERAKAS, Khamis, 16 Rejab bersamaan 17 Februari - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) berkenan berangkat menyempurnakan pengurniaan ijazah kepada seramai 224 orang graduan pada Majlis Konvokesyen Kesebelas KUPU SB. Majlis tersebut berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Kebangkitan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal



Yang Berhormat Pehin Mufti Kerajaan mengapalai bacaan Surah al-Fatihah semasa majlis dimulakan.

Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar, dan Pemangku Pendaftar KUPU SB, Awang Adi Rani Soffian bin Abdul Rahman.

Bagi memulakan majlis, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr) Ustaz

Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam telah membacakan surah al-Fatihah sebelum perarakan keberangkatan Canselor KUPU SB yang didahului dengan mushaf Al-Qur'an yang dijunjung masuk ke dalam dewan oleh Pengiran Haji Amirul Amin bin Pengiran Haji Jamaluddin.

Majlis kemudian diteruskan lagi dengan nyanyian lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan diikuti dengan bacaan surah Aali-Imraan ayat 132 hingga 134 dan surah al-'Alaq ayat 1 hingga ayat 5 secara beramai-ramai oleh para graduan KUPU SB dan intisari ayat tersebut pula dibacakan oleh Abdul Hadi Nasrullah bin Ashraf, mahasiswa Program Sarjana Muda Perguruan Ugama.

Seterusnya majlis diteruskan dengan sembah alu-aluan dari Dr. Haji Adanan bin Haji Basar, Ra'es KUPU SB yang turut menjelaskan dalam majlis konvokesyen ms. 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan mengurniakan ijazah kepada salah seorang penerima graduan yang diraikan.



ANTARA para graduan yang menerima sijil dan diploma di Majlis Konvokesyen KUPU SB ke-11.



KDYMM berkenan bergambar bersama salah seorang graduan yang diraikan dengan ahli keluarga.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan berkenan beramah mesra dan bergambar ramai bersama salah seorang graduan yang diraikan pada majlis berkenaan.

«3 kali ini, KUPU SB telah ms.3 berjaya melahirkan graduan pertamanya dalam Program Sarjana Perguruan Ugama Bahasa Arab dan beberapa graduan pertama dalam Program Sarjana Muda Perguruan Ugama Bahasa Arab.

Seterusnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan berkenaan mengurniakan titah sebelum berkenaan menyempurnakan pengurniaan ijazah kepada 224 orang graduan KUPU SB yang menerima sijil dan diploma dalam program bidang masing-masing.


Sebelum majlis ditutup, Yang Mulia Ra'es KUPU SB menyembahkan penerima-penerima Anugerah Ra'es dan hadiah-hadiah Dekan. Akhirnya majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi perguruan ugama di Negara Brunei Darussalam, KUPU SB bertanggungjawab melahirkan

pendidik dan pemimpin bertaqwa, berwibawa, berakhlak mulia, berdaya saing, berpengetahuan, berfikiran terbuka, berkemahiran tinggi dan komited. Oleh itu, setiap pelajar yang akan menjadi pendidik dipastikan untuk mendapatkan seluruh ilmu, adab dan kemahiran yang diwajibkan bagi memenuhi keperluan abad ini dan sentiasa bersedia dengan segala perubahan dengan sentiasa memegang kukuh ajaran agama Islam iaitu berpandukan Ahli Sunnah wal Jama'ah dan menjaga falsafah negara, Melayu Islam Beraja. ■

MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-38 TAHUN

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib berjemaah yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim. Berangkat sama DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

kesyukuran beramai-ramai yang juga dimamkan dan dikepalai oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Selesai bacaan doa kesyukuran dibacakan, Yang Mulia Begawan Mudim Haji Abdul Latif bin Haji Saman, Pegawai Masjid Jame' 'Asr Hassani Bolkiah terus mengumandangkan azan fardhu Isya' dan sembahyang Fardhu Isya' berjemaah pun didirikan dengan diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 Rejab bersamaan 22 Februari

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardhu Maghrib dan Isya' berjemaah, Membaca Surah Yasin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-38 Tahun 2022 di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan ke-38, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar serta ahli-ahli jawatankuasa majlis tersebut.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Baginda Sultan kemudian berkenan menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib berjemaah yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar sebelum mendirikan sembahyang Sunat Hajat berjemaah, membaca surah Yasin dan doa

Majlis seumpamanya juga diadakan serentak di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan beberapa buah masjid sebagai tumpuan mengikut daerah-daerah.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, masjid tumpuan adalah Jame' 'Asr Hassani Bolkiah, Kampung Kiarong; Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri; Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampong Jerudong, Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop, Masjid Sultan Sharif Ali, Mukim Sengkurong, Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun, Masjid Setia Ali, Pekan Muara, dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

Sementara itu di Daerah Belait, majlis sama diadakan di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Masjid RPN Kampung Pandan, Kuala Belait dan Masjid Pekan Seria. Di Daerah Tutong pula tumpuan diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong dan bagi Daerah Temburong di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar. ■

HAFLOT TAKHARRUJ KALI KESEMBILAN ITQSHHB

Oleh : Mohamad Zelihaan Ahad



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan mengurniakan sabda.

Pengiran Haji Bahar, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Haflut Takharruj Kesembilan ITQSHHB serta Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa Kerja Haflut Takharruj Kesembilan ITQSHHB.

Majlis tersebut dibuka dengan sebuah persembahan hafazan ayat surah al-Muthaffifin ayat 22 hingga ayat 36 yang dibacakan oleh Yang Mulia Awang Auni Marzuki bin Haji Anuar dan intisari ayatnya pula disampaikan oleh Yang Mulia Awang Muhammad Ekram 'Afif bin Haji Awang Mohd Hanafi. Majlis diteruskan dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Pada majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan mengurniakan sabda sebelum menyempurnakan pengurniaan

BERAKAS, Rabu, 15 Rejab bersamaan 16 Februari - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Haflut Takharruj Kali Kesembilan Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Keberangkatan baginda telah dijunjung oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan mengurniakan syahadah Diploma 'Aliyah Qiraat kepada salah seorang orang graduan di Haflut Takharruj Kesembilan ITQSHHB.

syahadah Diploma 'Aliyah Qiraat kepada 20 orang graduan ITQSHHB.

Di antara 20 orang graduan yang mendapat penganugerahan Syahadah Diploma 'Aliyah Qiraat al-Qur'an sebagai pengiktirafan atas kejayaan para graduan dalam bidang hafazan al-Qur'an dan Ilmu Qiraat ini, seramai 10 orang graduan telah menerima pangkat Mumtaz (Cemerlang), lapan orang graduan menerima pangkat Jaiyid Jiddan (Sangat Baik) dan dua orang daripadanya pula menerima pangkat Jaiyid (Baik).

Bagi menutup majlis dengan penuh keberkatan, doa selamat telah dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.



PARA graduan Diploma 'Aliyah Qiraat al-Qur'an dan ahli jawatankuasa majlis bergambar ramai bersama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

MAJLIS SAMBUTAN ISRA' DAN MI'RAJ SENEGARA

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan ucapan alu-aluan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 Rejab bersamaan 28 Februari – Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara Bagi Tahun 1443 Hijrah bagi memperingati peristiwa Isra dan Mi'raj Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam telah diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara Bagi Tahun 1443H membawa tema 'Sembahyang Ku Kerana Allah' dan majlis kali ini dikendalikan bersama oleh Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an oleh Yang Mulia PWI Awang Aliudin bin Haji Sarbini, Jurutera Sarjan Mejar di Jabatan Pemeliharaan, Markas Perkhidmatan Bantu Tentera Laut Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan. Sementara itu, intisari ayat tersebut pula dibacakan oleh Yang Mulia Awang Muhammad Samira Razin bin Abdullah Sambut, Pegawai Pelajaran di Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan.

Kemudian majlis diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Tahun 1443H.

Acara diteruskan dengan Tazkirah Khas bertajuk 'Sembahyang Ku Kerana Allah' yang disampaikan oleh Pegawai Operasi Jabatan Arah Agama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Mulia Kapten Mohammad Ayza Azrine bin Ayahani.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat bagi memohon keberkatan dan rahmat di majlis berkenaan yang dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran bin Haji Kunchang. ■



ANTARA yang turut hadir bagi memeriahkan lagi acara Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara Bagi Tahun 1443 Hijrah.

DOA KESYUKURAN SEMPENA PUJA USIA DULI PENGIRAN MUDA MAHKOTA

Oleh : Dahlan Chuchu



YANG Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman bersama barisan tetamu yang hadir ke majlis tersebut.

TUNGKU LINK, Rabu, 15 Rejab bersamaan 16 Februari – Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan membaca Surah Yasin sempena hari puja usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro Canselor UBD, Pro Canselor UNISSA, Pro Canselor UTB yang ke-48 tahun bertempat di Masjid Universiti, UBD.


Menteri Hal Ehwal Ugama yang juga merupakan Timbalan Pengerusi Majlis UNISSA, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman

hadir ke majlis tersebut selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Naib Canselor UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal dan Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman serta Para Tenaga Akademik, Pegawai dan Kakitangan dari UBD, UNISSA dan UTB.

Antara pengisian majlis yang sudah menjadi majlis tahunan UBD, UNISSA dan UTB ini ialah sembahyang Fardhu Maghrib, sembahyang Sunat Hajat dan sembahyang Fardhu Isya' secara berjemaah serta bacaan surah Yasin dan doa kesyukuran yang diimamkan dan diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Muhammad bin Haji Bagol.

Majlis Doa Kesyukuran dan Membaca Surah Yasin sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota selaku Pro Canselor UBD, Pro Canselor UNISSA, Pro Canselor UTB yang ke-48 tahun ini merupakan majlis tahunan anjuran ketiga-tiga universiti. ■



MASJID Universiti Brunei Darussalam.

MALAM MUNAJAT ANJURAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Oleh : Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani



MALAM Munajat KHEU bagi minggu pertama bulan ini telah dijayakan dengan penyertaan anjuran bersama oleh Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Rejab bersamaan 5 Februari – Kementerian Hal Ehwal Ugama kembali menganjurkan Majlis Malam Munajat bagi bulan Februari. Seperti biasanya, majlis yang terus mendapat sambutan orang ramai dan disokong oleh warga perkhidmatan awam seluruh negara ini diadakan secara maya pada setiap hari Sabtu malam, selepas sembahyang Fardhu Maghrib.

Majlis Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi minggu pertama bulan ini telah dijayakan dengan penyertaan bersama Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya. Majlis kali ke-21 ini berlangsung secara serentak di

masjid-masjid dan surau-surau seluruh negara dengan tumpuan di Dewan Banquet, Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei, Gadong.

Majlis tersebut turut disertai oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman. Sementara siaran langsung dari Surau Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat telah dihadiri oleh Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet & Jurutulis Majlis-Majlis Mesyuarat, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pegawai dan Kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat. Acara yang bersiaran langsung di Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop pula telah diketuai oleh Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Norfarizal bin Othman dan Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Shahrul Jeffri bin Dato Paduka Haji Ibrahim.

Aturcara majlis telah dimulakan dengan surah al-Fatihah dan bacaan Saiyidul Istighfar yang dikepalai oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud. Kemudian acara diteruskan lagi dengan bacaan surah Yasin beramai-ramai yang dipimpin oleh Yang Mulia Pengiran Muhd Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki, Pegawai Pelajaran, Jabatan Pengajian Islam. Seterusnya, Doa Munajat bagi memohon keampunan dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan terhindar dari bala bencana serta penyakit merbahaya telah dibacakan oleh Yang Arif Dato Seri Setia Awang Haji Johar bin Haji Mohamad, Hakim Mahkamah Tinggi Syar'iah.

Tazkirah pula telah disampaikan oleh Penolong Pensyarah Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Awang Haji Mohammad Khairul Nazif bin Haji Awang Damit dengan membawa tazkirah yang bertajuk 'Kelebihan Bulan Rejab'.



PENYERTAAN dari pegawai dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya.



MALAM Munajat KHEU kali ke-22 telah dijayakan dengan penyertaan dari Kementerian Kesihatan.

Pada 12 Rejab bersamaan 12 Februari pula telah diadakan Majlis Malam Munajat kali ke-22 bagi minggu kedua bulan Februari. Majlis tersebut dianjurkan bersama antara Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan Kementerian Kesihatan. Seperti minggu sebelumnya, majlis bermula dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan.

Bacaan surah Yasin dikepalai oleh Yang Mulia Awang Muhammad Adlan Aziz bin Haji Yussop, Penolong Jabatan Pegawai Pelajaran, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Bacaan doa munajat dibacakan oleh Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Maznan bin Haji Yusof, Penolong Mufti (Buhuth), Jabatan Mufti Kerajaan. Sementara tazkirah yang bertajuk, 'Menempuh Ujian Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*' disampaikan oleh Yang Mulia Awang Haji Badaruddin bin Haji Basar, Penolong Ketua Bahagian Penyebaran Da'wah, (Kauseling), Pusat Da'wah Islamiah.

Turut sama hadir secara maya dalam majlis ini ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dan Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.



MALAM Munajat KHEU dianjurkan bersama dengan penyertaan dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Majlis Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama secara maya kali ke-23 bagi minggu ketiga bulan Februari pula telah dilangsungkan pada 19 Rejab 1443H

bersamaan 19 Februari 2022M. Majlis tersebut telah dianjurkan bersama Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Antara yang menghadiri Malam Munajat pada malam tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abd Rahman, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), dan Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi).



MALAM Munajat KHEU kali ke-24 dijayakan bersama dengan penyertaan dari Kementerian Tenaga.

Majlis Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi minggu keempat yang merupakan minggu terakhir bulan Februari telah dianjurkan bersama Kementerian Tenaga pada 26 Rejab bersamaan 26 Februari. Turut serta dalam meramaikan majlis secara maya pada malam tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Antara pengisian Malam Munajat kali ini diserikan dengan pengongsian tazkirah dari Yang Mulia Dr. Widad binti Haji Abdul Aziz, Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali secara maya yang bertajuk 'Ku Milikmu' dari Brunei Hall, London, United Kingdom. Malam Munajat diteruskan dengan bacaan Asma'ul Husna dan Selawat beramai-ramai dipimpin oleh Yang Mulia Dayang Hajah Rohani binti Kamis, Pegawai Pelajaran di Bahagian Sekolah Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Yang Mulia Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Md Yassin, Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama. ■

MEMASTIKAN KEBAJIKAN MUALLAF SENTIASA TERJAMIN

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



PENOLONG Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Abd. Aziz bin Haji Abd Kahar menyerahkan bantuan Enjin Penjana Elektrik kepada penerima di Daerah Tutong.

TUTONG, Khamis, 2 Rejab bersamaan 3 Februari – Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Pembangunan Muallaf dengan kerjasama Unit Da'wah Daerah Tutong telah mengadakan Majlis Penyerahan Bantuan Enjin Penjana Elektrik kepada Awang Muhammad Omar bin Abdul Rahman @ Sumping Anak Angut. Majlis yang telah berlangsung di Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong ini diadakan bertujuan untuk memastikan kebajikan dan kesejahteraan para muallaf, khususnya yang memerlukan sentiasa terjamin.

Selain memastikan kebajikan muallaf sentiasa terjamin, majlis ini juga merupakan salah satu usaha Pusat Da'wah Islamiah dalam menyampaikan dakwah dengan memperlihatkan rasa tanggungjawab dan pemedulian kepada yang memerlukan. Dengan adanya bantuan enjin penjana elektrik dan beberapa bantuan lain yang diperlukan oleh para penerima di majlis ini diharapkan boleh membantu para muallaf yang menerimanya untuk menjalani kehidupan seharian dengan lebih baik.

Majlis yang dihadiri oleh Yang Mulia Awang Abd. Aziz bin Haji Abd Kahar, Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah selaku tetamu kehormat majlis ini telah dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah yang dipimpin oleh Awang Muhammad Zaim bin Haji Awang Ali, Penolong Pegawai Ugama, Unit Da'wah Daerah Tutong.

Seterusnya majlis telah mempersilakan tetamu kehormat majlis untuk menyerahkan bantuan tersebut dan diteruskan dengan demonstrasi praktikal menghidupkan enjin penjana elektrik oleh penerima. Bagi mengakhiri majlis, bacaan doa selamat telah dibacakan untuk memberkati majlis tersebut. ■

PENYERAHAN BANTUAN KEPERLUAN HARIAN KEPADA KELUARGA MUALLAF YANG MEMERLUKAN

Oleh : Azizah Hidup



SALAH seorang wakil keluarga muallaf yang menerima bantuan.

TUTONG, Rabu, 24 Rejab bersamaan 23 Februari


– Sebanyak 21 buah keluarga muallaf yang memerlukan telah menerima bantuan keperluan harian pada acara penyerahan bantuan tersebut di Masjid Kampong Benutan, Daerah Tutong. Acara kebajikan ini diselenggarakan oleh Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf) dan Unit Da'wah Daerah Tutong dengan kerjasama Jeep Owners Group Brunei.

Hadir selaku ketua rombongan ialah Calvin Lo dari Jeep Owners Group Brunei yang juga menjadi wakil penyerahan bantuan tersebut. Turut sama hadir dalam acara tersebut ialah Haji Muhd Hairol Mazlan bin Haji Abd Razak, Pemangku Ketua Kampong Benutan dan Muhammad Yusri bin Haji Abd Majid, Ketua Unit Da'wah Daerah Tutong.

Acara kebajikan ini telah menjadi salah satu usaha dalam memperkembangkan dakwah di negara ini dengan menunjukkan sifat keperihatinan dan pemedulian dalam memantau perkembangan kehidupan serta kebajikan asnaf fakir miskin, khususnya dari kalangan muallaf. Diharapkan dengan acara ini dapat menarik minat para muallaf untuk lebih menghayati dan mendalami ugama Islam. ■



PROGRAM KEAGAMAAN SENEGARA BAGI SEKOLAH UGAMA DAN SEKOLAH ARAB



Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Rejab bersamaan 24 Februari – Program Keagamaan Senegara telah menjadi sebuah program bulanan anjuran Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Setiap bulan program ini akan membawakan tema yang berbeza. Bagi bulan Februari, Program Keagamaan Senegara telah membawa tema 'Pelajar Yang Berwawasan dan Berakhlak'.


Tema ini dipilih bagi menunjukkan pelajar yang berwawasan dan berakhlak akan menjadi generasi pelapis dan peneraju kepada kemajuan dan pembangunan negara sesuai dengan matlamat wawasan negara, Wawasan 2035.

Program ini telah diadakan secara dua kaedah iaitu kaedah dalam talian bagi pelajar yang tidak hadir ke sekolah dan kaedah bersemuka bagi pelajar yang hadir ke sekolah. Ianya juga diadakan dalam dua sesi, iaitu sesi pagi yang bermula pada jam 8 pagi dan sesi petang yang bermula jam 2 petang.

Antara perisian program tersebut ialah bacaan Selawat Tafrijiyah, Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah, penyampaian tazkirah sesuai tema program dan bacaan surah Yasin, Doa Memohon Perlindungan daripada wabak COVID-19 serta bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam. ■

BACAAN SURAH YASIN DAN TAHLIL MENJELANG MAJLIS KONVOKEYEN KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



RA'ES KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar bersama antara peserta yang hadir secara maya di majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Rejab bersamaan 12 Februari – Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) akan melangsungkan Majlis Konvokesyen Ke-11 pada hari Khamis, 16 Rejab 1443H bersamaan 17 Februari 2022M.

Bersempena dengan menjelangnya Majlis Konvokesyen Ke-11 tersebut, KUPU SB telah mengadakan Majlis Bacaan Surah Yasin dan Tahlil khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim secara dalam talian.

Majlis tersebut dihadiri oleh bakal-bakal graduan KUPU SB, Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar, pegawai-pegawai utama, staf-staf akademik dan bukan akademik KUPU SB. Acara telah dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dan diteruskan dengan bacaan surah Yasin serta tahlil secara beramai-ramai yang dikepalai oleh Awang Hilman bin Haji Salim, Pengarah Pusat Kajian Fiqh Al-Ushrah, KUPU SB.

Kemudian majlis diteruskan dengan bacaan doa selamat dan Doa Terlindung Dari Wabak COVID-19 yang dibacakan oleh Awang Haji Md. Syahiran bin Haji Md. Sofian sebelum ditutup dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan Selawat Munjiah oleh Mahasiswa Sarjana Muda Perguruan Ugama, Tahun 2, Awang Mohd Aqil Arfan bin Arjune serta bacaan Zikir Istighfar dan Taubat yang dibacakan oleh Mahasiswa program Diploma Tertinggi Perguruan Ugama, Tahun 2, Awang Muhammad Noor Syahmi bin Mazne. ■

PENDAFTARAN KEMASUKAN PELAJAR-PELAJAR BARU SANAH 5 DI SEKOLAH-SEKOLAH ARAB SELURUH NEGARA SECARA MAYA

Oleh : Dahlan Chuchu

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Rejab bersamaan 5 Februari – Berbeza dengan tahun-tahun yang lalu, sesi pendaftaran kemasukan pelajar-pelajar baru Sanah 5 sekolah-sekolah Arab seluruh negara bagi penggal persekolahan tahun 1443H / 2022M kali ini dilaksanakan secara serentak secara maya atau atas talian melalui Microsoft Teams.

Bagi musim penggal baru untuk pelajar-pelajar baru Sanah 5 tahun ini, Jabatan Pengajian Islam telah menerima pendaftaran seramai 749 orang pelajar baharu. 329 orang daripadanya merupakan pelajar lelaki Sekolah Arab Sultan Haji Hassan Bolkiah, Kampong Rimba, 324 orang pelajar perempuan Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan, 21 orang pelajar lelaki dan 28 orang pelajar perempuan Ma'had Islam Brunei, Tutong, 9 orang pelajar lelaki dan 22 orang pelajar perempuan Sekolah Arab Belait dan Sekolah Arab Temburong telah menerima 10 orang pelajar lelaki dan 6 orang pelajar perempuan. ■

Pada 7 dan 8 Februari 2022, Program Minggu Ta'aruf telah dilaksanakan bagi penuntut-penuntut tersebut juga melalui dalam talian aplikasi Microsoft Teams. Antara aturcara yang dimuatkan dalam program tersebut ialah pengenalan bagi etos dan budaya sekolah, pengenalan asas Bahasa Arab, ceramah motivasi, taklimat kesihatan, taklimat disiplin dan juga melancarkan bacaan Saiyidul Istighfar dan Doa Terhindar dan Terselamat dari Wabak COVID-19. ■

Diari
Hidayah

رَبَّنَا آمَنَّا فَاكْتُبْنَا مَعَ الشَّاهِدِينَ

Majlis Pengislaman FEBRUARI 2022

Mafhumnya:
...Ya Tuhan kami! Kami telah beriman, oleh itu tetapkanlah kami bersama orang-orang yang menjadi saksi (atas kebenaran al-Qur'an dan kenabian Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam).


Surah al Maa'idah ayat 83



STATISTIK PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Uagama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2022

Dewasa: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke atas.
Kanak-kanak: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke bawah.



| Features |

DIVINE MAHABBAH

Love of Allah, for Allah,
by Allah, With Allah

Sharifah Khadijah Husien Alkaff

(Continue from previous)

Mahabbah of Allah Subhanahu wa Ta'ala

Allah Subhanahu wa Ta'ala says in surah adz-Dzaariyaat verse 56: And I have not created Jinn and Men, except that they should serve Me. In order to truly worship Him, we need to love Him. The Mahabbah or love of Allah Subhanahu wa Ta'ala is the real love that gives meaning to our lives.

(i) Importance

Loving Allah Subhanahu wa Ta'ala is the most important obligation for muslims as it is the basis of Islam; it is the type of love we should be seeking all our life. By perfecting one's love of Allah, one perfects one's faith; faith cannot be perfected in any other way. Even if one has a lot of prayer and fasting to one's credit, if one's love of Allah is lacking, then one's Tawhid is also lacking. Allah Subhanahu wa Ta'ala says in surah al-Baqarah verse 165:

"...But those who believe, love Allah most..." and in a hadith qudsi narrated by al-Bukhari, Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu reported that Prophet Shallallahu 'alaihi wa sallam said: Allah the Exalted has said: "I will declare war against him who shows hostility to a pious worshipper of Mine. And the most beloved thing with which My slave comes nearer to Me is what I have enjoined upon him; and My slave keeps on coming closer to Me through performing Nawafil (prayer or doing extra deeds besides what is obligatory) till I love him. When I love him I become his hearing with which he hears, his seeing with which he sees, his hand with which he strikes, and his leg with which he walks; and if he asks (something) from Me, I give him, and if he asks My Protection (refuge), I protect him."

Imam Abdullah Alawi al-Haddad: You disobey Him using His favours, yet disobedience does not make Him withhold His favours. How can you love other than this Generous God? Or how could you disobey this Compassionate Lord?

True love for Allah Subhanahu wa Ta'ala therefore means that the lover is always and inwardly with Allah Subhanahu wa Ta'ala and is freed from all other kinds of desires and wishes except the desire to meet Allah Subhanahu wa Ta'ala. Some of the characteristics of this love are:

(ii) Characteristics Of Those Who Love Allah

1. Not to associate anything with Allah Subhanahu wa Ta'ala.
2. To love Allah Subhanahu wa Ta'ala and Prophet Shallallahu 'alaihi wa sallam above every other love.
3. To obey Allah Subhanahu wa Ta'ala and adhere to His laws. According to Ibn Taymiyah, worship is an expression of love for Allah Subhanahu wa Ta'ala and it also expresses complete humility to Allah Subhanahu wa Ta'ala.
4. To follow Prophet Shallallahu 'alaihi wa sallam. verse 31 of surah Aali 'Imraan states "If you love Allah,
5. then follow me; Allah will love you and pardon you your sins," For Allah is Often Forgiving, Most Merciful.
6. To prefer what Allah Subhanahu wa Ta'ala loves and wants to what we might love and want so that we will love what Allah loves, hate what He hates, take as friends or regard as enemies for His sake.
7. To spend our short life serving Allah Subhanahu wa Ta'ala, doing good, helping people, feeding the needy, giving regular charity, etc.
8. Not to love things for what they are but only because they are divine gifts from Allah.
9. To be beneficial to others since there is a hadith that states: The most beloved slaves to Allah are those who are most beneficial to others.

Tayammum

hanya sah dikerjakan sekali setiap satu sembahyang fardhu dan beberapa sembahyang sunat sahaja

- Ketiadaan air.
- Jika alasan bertayammum kerana ketiadaan air, hendaklah ia berusaha mencari air terlebih dahulu.
- Berhalangan menggunakan air kerana keuzuran.
- Terdapat air namun hanya cukup bagi keperluan utama seperti minum.
- Masuk waktu sembahyang.
- Tanah yang digunakan hendaklah tanah suci yang berdebu dan belum digunakan.

Rukun Tayammum

- Niat
- Memindahkan debu tanah ke wajah ketika bacaan niat.
- Menyapu debu tanah ke wajah.
- Menyapu debu tanah ke tangan sehingga siku.
- Tertib

- Perkara yang sama membatalkan wudhu.
- Jika alasan bertayammum kerana ketiadaan air, tiba-tiba mendapat air yang mencukupi untuk berwudhu maka batallah tayammumnya.
- Keuzuran yang menghalangnya menggunakan air telah sembuh.
- Merasa waham (ragu / was-was) akan keadaan air sebelum mengerjakan sembahyang.
- Murtad.

Syarat Sah Tayammum

Membatalkan Tayammum



Uwais Qana'i

أويس قنعي

(Nisbah kepada nama tabi'in uwais al-qarni), Kerelaanku

Umar Fatih

عمر فاتح

(Nisbah nama Khalifah ar-Rasyidin Kedua), Yang Menang

Usaid Hadhari

أسيد حضري

Berani, Singa, Bertamadun

Nama-Nama
BISAI
untuk anak
damit



Dari Ibnu 'Abbas Radhiallahu 'anhuma berkata:

"Hendaklah ia mengelokkan namanya dan mengelokkan adabnya"

(Riwayat Imam al-Baihaqi)



Umairah Yasarah

أميرة يسارة

Puteri, Pemimpin, Kemudahan

Ulya Anati

عليا أناتي

Yang Lebih Tinggi, Kemurahan hati

Uswah Qaiyimah

أسوة قيمة

Teladan, Yang Bernilai dan Berharga



PETIKAN TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
HAJI HASSANAL BOLKIAH
MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN
HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
SEMPENA TITAH PERUTUSAN KHAS
AWAL TAHUN BARU HIJRAH 1441



'Muhasabah'

“ Kita selaku hamba Allah, dituntut untuk muhasabah, sama ada kita telah menyempurnakan kewajipan atau tanggungjawab, terutama kewajipan menunaikan hak-hak Allah dan hak-hak kita sesama manusia.

Adapun hak Allah itu ialah menyembah-Nya, melalui ibadat-ibadat fardhu 'ain, seperti menyempurnakan rukun Islam yang lima, termasuk melakukan segala amal salih dan meninggalkan semua larangan-Nya.

Semua ini adalah hak Allah Ta'ala, yang mustahak dikenalpasti, samaada kita sudah melaksanakannya atau bagaimana? ”

Program Keugamaan Belia


BACAAN SURAH YASIN SEMPENA HARI KEBANGSAAN KE -38 BERSAMA BADAN SUKARELAWAN BELIA DA'IE

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Rejab bersamaan 23 Februari – Badan Sukarelawan Belia Da'ie di bawah naungan Urus Setia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah, disertai oleh orang awam dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Belia Da'ie mengadakan Majlis Membaca Surah Yasin Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-38 secara maya.

Turut menyertai majlis tersebut ialah Yang Mulia Awang Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah serta pegawai dan kakitangan Pusat Da'wah Islamiah.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dan bacaan Surah Yasin bersama-sama para hadirin yang diketuai oleh Awang Muhammad Fuad bin Matahir, Pengerusi Belia Da'ie. Majlis seterusnya diikuti dengan bacaan Doa Kesyukuran, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam serta Doa Memohon Terhindar dari Wabak COVID-19 yang dipimpin oleh Ahli Jawatankuasa Belia Da'ie, Awang Muhammad Hazmi bin Haji Rajab.

Tujuan majlis ini diadakan adalah bagi sama-sama memohon dan berdoa ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala agar Negara Brunei Darussalam sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu wa Ta'ala. Majlis ini juga adalah sebagai salah satu usaha untuk menghidupkan semangat patriotik, cinta kepada tanah air, serta berbakti kepada agama, bangsa dan negara.



PERINTAH SEMBAHYANG DISYARI'ATKAN

Oleh : Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara tahun 1443H/2022M.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 27 Rejab bersamaan 27 Februari - Bagi orang-orang yang beriman, peristiwa ini tidak dilihat dengan logik akal, tetapi dengan mata hati dan keimanan kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang berfirman dalam surah al-Israa', ayat 1, tafsirnya:

"Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa, yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda kekuasaan dan kebesaran Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui,"

Demikian antara petikan titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara Tahun 1443H/2022M.

Peristiwa Isra' dan Mi'raj adalah merupakan kejadian luar biasa yang berlaku ke atas nabi kita Saiyidina Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Adapun matlamat utama daripada peristiwa ini ialah untuk menerima sembahyang lima waktu daripada Allah.

Perintah sembahyang disyariatkan secara langsung oleh Allah kepada Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* tanpa sebarang perantaraan. Inilah kehebatan dan keistimewaan sembahyang itu, tekan titah baginda lagi.

"Tidak syak lagi, sembahyang adalah tali penghubung di antara Al-Khaliq dan hamba-Nya. Maka akan kuatlah hubungan itu dengan melakukan sembahyang. Oleh itu diwajibkan sembahyang itu sebagai ibadat utama di dalam kehidupan kita, sebagai cara untuk menjaga hubungan ini biar ia terus kekal dan kukuh sehingga tiada putus-putus," tegas titah baginda.

Terdahulu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kerana dengan izin-Nya jua, kita dapat lagi memperingati peristiwa agung yang terjadi kepada Junjungan Besar Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, iaitu Peristiwa Isra' dan Mi'raj.

Dengan sembahyang menurut titah baginda, Allah akan mengurniakan keamanan, ketenangan, kesihatan dan kebahagiaan. Ini, menurut baginda dapat dikesan dari firman Allah dalam surah al-'Ankabut, ayat 45, tafsirnya:

"Baca serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari al-Qur'an, dan dirikanlah sembahyang, sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan keji dan mungkar, dan sesungguhnya mengingati Allah (terutama dengan melakukan sembahyang) itu adalah lebih besar (faedah dan kesannya) dan Allah Maha Mengetahui akan apa-apa jua yang kamu kerjakan."

Ayat ini tegas titah baginda, adalah isyarat untuk kita memahami bahawa, ibadat sembahyang adalah segala-galanya yang mampu membersihkan kita daripada mungkar.

"Demikian itulah dengan sembahyang. Ia adalah 'kubu' untuk membentengi kita daripada mungkar. Manakala seseorang itu terselamat daripada mungkar, maka itulah harapan tertinggi baginya untuk meraih syurga Allah *Subhanahu wa Ta'ala*."

"Kerana matlamat yang suci inilah, Kerajaan beta mengambil sikap tegas menyediakan sistem persekolahan 'wajib agama'. Kerana beta tidak mahu, walau seorang pun dari rakyat Muslim di negara ini yang tidak sembahyang," titah baginda.